

Malaysia keluar semua jenis kenderaan — PM

Oleh ZULKIFLEE BAKAR
dan SABARUDDIN AHMAD SABRI

KUALA LUMPUR 7 Feb. — Malaysia akan mengeluarkan sendiri semua jenis automobil termasuk kenderaan berat sebelum tahun 2020, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengumumkan pengeluaran van nasional pertama oleh Perusahaan Otomobil Nasional Kedua (PERODUA).

“Selain itu, kita juga sedang dalam proses membina trak satu tan dan kenderaan berat lain,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Diversified Resources Berhad, Kawasaki Heavy Industries Ltd. dan Nisho Iwai Corporation, di sini, petang ini.

MOU itu bertujuan mengeluarkan motosikal nasional berkuasa 90

cc hingga 110 cc serta enjin kecil secara usahasama antara ketiga-tiga syarikat.

Ditanya bilakah projek van itu dapat dilaksanakan, Dr. Mahathir berkata, ia akan dilaksanakan tidak lama lagi. **[Lagi berita dan gambar di muka 13].**

“Kita (Malaysia) sentiasa bergerak pantas,” katanya.

Teknologi

Mengenai pemindahan teknologi ke negara ini dari Jepun, Dr. Mahathir berharap projek motosikal dan pengeluaran enjin kecil akan memperlihatkan pemindahan teknologi yang lebih cepat dari Kawasaki.

“Saya percaya motosikal nasional dan pengeluaran enjin kecil akan dieksport ke seluruh dunia secepat mungkin,” katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, walaupun pemindahan itu mengambil masa tetapi Malaysia sentiasa berusaha untuk mempercepatkan proses berkenaan.

■ Lihat muka 2

Malaysia keluar semua jenis kenderaan — PM

“Kita tidak boleh tunggu sehingga 200 tahun untuk mempelajari teknologi mereka dan ini adalah perjanjian bersama,” katanya.

Beliau menjelaskan, Malaysia berharap untuk menikmati pemindahan teknologi sepenuhnya.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan pengalaman negara mengeluarkan PROTON dan PERODUA ia menunjukkan kemampuan bagi memiliki teknologi yang lebih tinggi dan berkemahiran tinggi serta berdaya saing di pasaran antarabangsa.

Dr. Mahathir juga yakin, pembangunan pengeluaran motosikal dan enjin kecil akan memberikan satu lagi peningkatan di samping membantu negara untuk mencapai jumlah pengguna motosikal yang tinggi.

“Dalam masa yang sama, enjin kecil pelbagai kegunaan boleh digunakan secara meluas dalam bidang pertanian dan sektor pembinaan bagi membantu rakyat meningkatkan produktiviti dan kecekapan dengan modal yang minimum.

Beliau memberitahu, kilang mengeluarkan motosikal nasional itu akan dibina di dua buah kawasan di Kedah yang telahpun dikenal pasti.

“Kedah dipilih kerana ia mempunyai segala kemudahan infrastruktur yang diperlukan termasuk kilang Perwaja Steel di Gurun,” katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.